

BULETIN UTHM

Bil.7 Julai 2023 | ISSN 2232-0415



**UTHM tubuh skuad Polis Bantuan,
terima sijil penubuhan daripada PDRM**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM tubuh skuad Polis Bantuan, terima sijil penubuhan daripada PDRM
- 2 UTHM-KOPO perkukuh hubungan dua hala Malaysia-Korea Selatan
- 4 Ts. Inv. Dr. Shelena Soosay Nathan terima anugerah 'Young Faculty (IT)' di 9th CAM 2023
- 5 UTHM berjaya raih tempat di Pameran Reka Bentuk Dalaman Antarabangsa 2023
- 7 Kongsi ilmu ternak lobster air tawar, beri manfaat kepada komuniti setempat
- 9 UTHM cipta peluang perniagaan untuk pelajar B40 dan komuniti setempat
- 11 Pusat Pembelajaran Maya, UTHM suntik semangat warga sekolah hasilkan bahan digital untuk PdP
- 13 Pendayung UTHM Barracuda raih Juara Keseluruhan di tanah besar China
- 15 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





UTHM tubuh skuad Polis Bantuan, terima sijil penubuhan daripada PDRM

BATU PAHAT, 3 Julai 2023 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar menerima surat kelulusan dan sijil penubuhan Polis Bantuan dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Majlis Serahan Surat Kelulusan dan Sijil Penubuhan Polis Bantuan tersebut merupakan titik permulaan temeterainya kerjasama dua hala antara UTHM dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurut Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, penyerahan surat dan sijil daripada PDRM itu adalah sebagai salah satu inisiatif dalam meningkatkan keselamatan di universiti dan menambah baik lagi perkhidmatan staf keselamatan.

Inisiatif itu bagi memastikan

polis bantuan UTHM mempunyai kuasa dan kemahiran yang setara dengan polis PDRM sekali gus membantu pengurusan skuad tersebut untuk lebih proaktif dan berintegriti.

“Kewujudan Polis Bantuan di UTHM ini dilihat dapat meningkatkan rasa selamat khususnya kepada staf, pelajar dan orang awam yang berurusan dengan pihak universiti.

“Selain itu, penubuhan skuad ini juga mampu memberi lebih pendedahan kepada staf dan pelajar berkaitan langkah-langkah pencegahan jenayah dengan lebih efektif dan mematuhi peraturan serta undang-undang negara secara menyeluruh,” katanya.

Beliau berharap kerjasama tersebut bakal menjadi titik permulaan kepada UTHM dalam mengeratkan lagi hubungan strategik dengan pihak PDRM.

Majlis turut dihadiri CP Datuk Aidi Ismail, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Bukit Aman, SAC Chuah Yong Huat, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Ibu Pejabat Polis Kontigen Johor serta Supt Shahrulanuar Mushaddat Abdullah Sani, Timbalan Ketua Polis Daerah Batu Pahat.

Hadir sama, Timbalan-Timbalan Naib Canselor UTHM, Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan PDRM, Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) UTHM serta barisan staf dan pelajar SUKSIS UTHM.

Turut diadakan, sesi tandatangan penerimaan syarat-syarat kelulusan dan penerimaan sijil penubuhan polis bantuan UTHM dan juga pelancaran Logo Polis Bantuan UTHM.



UTHM-KOPO perkukuh hubungan dua hala Malaysia-Korea Selatan

KUALA LUMPUR, 28 Julai 2023: Penyelidik dari Pusat Penyelidikan Sustainable Professional Education for Excellent Development (CoR-SPEED), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama kumpulan penyelidik Korea Polytechnics Corporation (KOPO), telah mengadakan sesi bengkel penyelidikan latihan bermula dari 24 hingga 28 Julai 2023 lalu bertempat di Menara Prestige, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

KOPO merupakan sebuah organisasi yang mempunyai rangkaian 36 politeknik dan kolej vokasional di seluruh negara Korea Selatan.

Organisasi tersebut berperanan untuk melahirkan juruteknik pakar dalam penumpuan teknologi terkini dan menyediakan kerja lapangan mengikut permintaan industri kepada pelajar dan tenaga pengajar serta memastikan pekerjaan sepanjang hayat melalui latihan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET).

Bengkel latihan penyelidikan yang diadakan selama lima hari itu bertujuan untuk meneroka sejauh mana hubungan kerjasama antarabangsa boleh diwujudkan dengan membangunkan model konseptual untuk penglibatan dan galakan hubungan rakan global, dan juga model strategik untuk kerjasama antarabangsa antara Malaysia dan Korea Selatan.

Menurut Dr. Nur Sofurah Mohd Faiz, Ketua Pusat Penyelidikan CoR-SPEED, hubungan dua hala itu bermula pada tahun 2020 melalui rakan strategik UTHM dengan TVET-Campus, satu inisiatif oleh Korea Technical University Education (KOREATECH) di bawah Kementerian Buruh Korea yang menggabungkan pelbagai institusi TVET dari Korea, Malaysia, Thailand, Vietnam, Kemboja dan Laos.

“Kerjasama penyelidikan yang berhasrat untuk membangunkan model komprehensif ini boleh dijadikan rujukan dan panduan bagi memenuhi keperluan negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025,” katanya.

Turut berbengkel, ketua-ketua penyelidik dari FPTV iaitu dari Penyelidikan Geran Kebangsaan Kerjasama Malaysia-Thailand-China, Ketua Kumpulan Penyelidikan Fokus TEAMS (Teaching Evaluation, Assessment and Measurements) dan Kumpulan Penyelidikan WoM-TVET (Women and Marginalized-TVET).


Sementara itu, delegasi KOPO turut berkunjung ke UTHM Kampus Induk Parit Raja, Batu Pahat untuk mengadakan perbincangan berkaitan kolaborasi dengan pihak pengurusan Pejabat Antarabangsa (IO), Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) dan FPTV, UTHM.



Penganjuran bengkel tersebut telah memberi manfaat dan impak yang besar kepada kedua-dua pihak.

UTHM-KOPO merancang untuk meneruskan hubungan dan kerjasama dua hala ini melalui tiga aktiviti utama iaitu khidmat teknikal komuniti antarabangsa, peningkatan kemahiran pentadbiran

dan sosial antarabangsa dalam kalangan staf, dan pengembangan geran penyelidikan empat penjurua Malaysia-Thailand-China-Korea, serta penglibatan KOPO dalam pendidikan pensijilan TVET perguruan yang melibatkan beberapa agensi kerajaan, industri dan juga swasta.





Ts. Inv. Dr. Shelena Soosay Nathan terima anugerah 'Young Faculty (IT)' di 9th CAM 2023

Pensyarah Pusat Pengajian Diploma, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Ts. Inv. Dr. Shelena Soosay Nathan menerima anugerah 'Young Faculty' dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) ketika berlangsungnya Forum 9th Contemporary Academic Meet (CAM) yang berlangsung pada 15 Julai 2023 di Green Park Chennai, India.

Pengiktirafan tersebut hasil pencapaian dan sumbangan beliau yang luar biasa dalam bidang keilmuan dan pengajaran khususnya teknologi maklumat.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Pengerusi Venus International Foundation (VIF), Dr. Ramakrishnan Sathishkumar.

Untuk rekod, Venus International Faculty Awards (VIFA) telah diperkenalkan sejak tahun 2015 oleh Centre for Learning Network (CLN), VIF.

Bertemakan "Future shape of Higher Education, Technological Change and Expectations of the Next Generation Students," Forum CAM yang dihadiri lebih 50 wakil dari pelbagai negara itu melibatkan bidang kepakaran yang pelbagai antaranya kejuruteraan elektrik, pembuatan mikro, kesihatan dan perubatan serta kepintaran buatan (AI).

Dr. Shelena juga dijemput sebagai salah seorang pengucaptama bagi berkongsi idea dan pengetahuan beliau yang bertajuk "Internet of Things (IoT): Sci-Fi to Reality".

Sesi syarahan yang berlangsung selama 30 minit itu membuka banyak interaksi positif bersama peserta yang berminat dengan perkembangan IoT masa kini.

Forum tersebut juga memberi banyak manfaat terutama bagi tujuan kolaborasi antarabangsa serta mempromosikan UTHM di peringkat global.

Kehadiran Dr. Shelena sebagai penerima Anugerah 'Young Faculty' dan pengucaptama dalam forum tersebut merupakan satu penghargaan kepada sumbangan beliau dalam bidang pendidikan dan pengetahuan tentang IT dan IoT.

Pengiktirafan antarabangsa itu sekali gus membantu UTHM menjadi institusi pendidikan yang berupaya menghasilkan staf akademik yang berkualiti dan kompeten dalam pelbagai bidang.



Product Design



UTHM berjaya raih tempat di Pameran Reka Bentuk Dalaman Antarabangsa 2023

SURABAYA – Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot) dengan Kepujian, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih tempat kedua dan ketiga bagi kategori 'Reka Bentuk Produk' Ketika menyertai Pameran Reka Bentuk Dalaman Antarabangsa (INDEX 2023) pada 18 hingga 23 Julai 2023 di Ciputra World Mall, Surabaya, Indonesia.

Manakala Lee Yi Wen meraih tempat kedua apabila beliau mempertaruhkan projek sarjana muda berkaitan Meja Ruang Kerja.

Rekaan beliau bertujuan untuk meningkatkan fungsi dan keselesaan ergonomik meja ruang kerja bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kesejahteraan pekerja.

Nur Hazwani Ibrahim berjaya meraih tempat ketiga dalam pameran tersebut dengan menampilkan projek pelajar tahun akhirnya iaitu 'Troli.'

Rekaan yang dihasilkan bertujuan menangani masalah yang dihadapi oleh pengguna semasa berulang alik dari dapur ke ruang makan.

lanya tertumpu kepada pengguna yang mahukan ruang makan kelihatan kemas tanpa gangguan peralatan atau perkakas di atas meja.

Kedua-dua mereka berjaya menempatkan diri dalam kelompok tiga terbaik daripada 300 lebih jumlah penyertaan.

INDEX 2023 juga memilih pelajar UTHM, Wirdawati Waladi sebagai salah seorang daripada enam finalis untuk kategori 'Reka Bentuk Produk.'

Untuk rekod, pelajar UTHM, Chua Chooi Foong juga pernah mendapat tempat ketiga ketika menyertai INDEX 2022 pada tahun lalu.

INDEX merupakan satu aktiviti pameran projek pelajar tahun akhir yang dianjurkan oleh Program Reka bentuk Dalaman, Universiti Kristen Petra (PCU).





Program tersebut merupakan sebuah acara rasmi tahunan yang melibatkan penyertaan beberapa negara bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar dari negara-negara yang terlibat untuk lebih berani tampil ke peringkat antarabangsa.

Penganjuran INDEX secara hibrid pada tahun ini diadakan sebagai satu bentuk kerjasama antara Universiti Kristian Petra, UTHM, Sunway Universiti Malaysia, Universiti Kristian Chung Yuan Taiwan dan Universiti Zokei Tokyo.

Program tersebut diisi dengan penganjuran seminar dalam talian yang melibatkan penceramah jemputan dari Indonesia, Malaysia dan Taiwan.

Manakala kemuncak acara pula menyaksikan 'Anugerah Super Juri' yang memberi peluang kepada pelajar membentangkan rekaan mereka secara dalam talian bertujuan mendapatkan maklum balas di hadapan juri yang terdiri daripada tenaga pakar dari negara berbeza.

Untuk maklumat lanjut berkaitan acara tahunan INDEX ini, sila layari pautan.. <https://www.instagram.com/indexpetra/>





Kongsi ilmu ternak lobster air tawar, beri manfaat kepada komuniti setempat

MUAR, 22 Jun 2023 – Bagi menyebarkan luas ilmu dan kemahiran yang dimiliki warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) telah menganjurkan Program Latihan Penternakan Lobster Air Tawar pada 22 Jun 2023 lalu bertempat di Kampung Jawa, Panchor, Muar, Johor.

Program dengan kerjasama Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) serta alumni UTHM itu diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Fadzelly Abu Bakar dan dibantu oleh Dr. Fazleen Izzany Abu Bakar serta Dr. Munira Zainal Abidin yang merupakan pensyarah kanan FAST.

Untuk rekod, berbekalkan slogan “Sustainable Future Food” beberapa siri program komuniti diadakan sebagai salah satu inisiatif UTHM berbakti dan berkolaborasi bersama komuniti setempat dalam memastikan kelestarian dan keterjaminan sumber makanan.

Menurut Dr. Mohd Fadzelly, pihaknya memberi ilmu teori dan praktikal kepada penduduk setempat berkaitan cara pengurusan dan penternakan lobster air tawar dengan betul.

“Kami berkongsi ilmu pengetahuan serta kepakaran bersama penduduk kampung dengan menjemput dua penceramah yang merupakan pengusaha penternakan lobster air tawar merangkap alumni UTHM,” katanya.

Bagi mencapai objektif, sebanyak empat modul telah dikongsikan oleh pensyarah dan alumni UTHM iaitu modul pertama melibatkan sesi pengenalan tentang lobster air tawar, modul kedua pula penerangan berkaitan khasiat dan kebaikan lobster air tawar, modul ketiga tentang kegunaan bahan buangan dari pemprosesan lobster air tawar dan modul keempat pula menekankan aspek pengurusan dan tumbesaran lobster air tawar secara berterusan.

Ketua Kampung Jawa, Ahmad Arsam turut hadir memberi sokongan kepada penduduk kampung.

Beliau berkata pelaksanaan program seumpama itu dapat merapatkan jurang antara warga kampus dan komuniti, terutama selepas dua tahun universiti melaksanakan pembelajaran secara dalam talian kerana pandemik Covid-19.

“Program ini mampu memupuk sikap saling bekerjasama dan mewujudkan komunikasi yang efektif, serta membina jati diri pelajar agar sentiasa prihatin dengan keperluan komuniti dan masyarakat yang memerlukan.

“Tambahan pula program ini telah berjaya menarik minat anak muda seawal usia 15 tahun untuk turut serta dalam program penternakan lobster air tawar ini,” katanya.



Selain perkongsian ilmu, program ini juga diisi dengan aktiviti memasak lobster air tawar bagi memberi peluang kepada semua peserta merasai sendiri pengalaman memakan lobster air tawar yang enak dan berkhasiat.

Turut serta dalam program tersebut, Timbalan Pengarah ICRC, Prof. Madya Ts. Dr. Faridah Kormin yang juga hadir sebagai perasmii program.

Sijil penyertaan dan penghargaan turut disampaikan kepada semua peserta dan jawatankuasa yang terlibat menjayakan program.





UTHM cipta peluang perniagaan untuk pelajar B40 dan komuniti setempat

MERSING – Bagi mencapai hasrat menjadi Global Technopreneur University (GTU) menjelang 2030, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Kolej Kediaman Dalam Kampus (KKDK) dan Yayasan UTHM telah menganjurkan Program Pembangunan Keusahawanan Hijau pada 7 hingga 9 Julai 2023 lalu bertempat di Mersing dan Pulau Tinggi, Johor.

Program dengan kerjasama beberapa pihak termasuk Jabatan Perikanan Malaysia, Negeri Johor dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) itu dikendalikan oleh 20 usahawan muda dari KKDK.

Program tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memberi manfaat kepada mahasiswa, peniaga dan komuniti di kawasan pendalaman dengan mencipta peluang baharu dalam perniagaan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, UTHM turut terlibat dalam memberi siri latihan kursus pembuatan sos cili secara berkala di Pusat Pertanian Ayer Hitam.

Inisiatif tersebut juga bagi mendorong kerancangan pembangunan komuniti keusahawanan dengan menggabungkan aspek keusahawanan, kelestarian dan kesedaran sosial.

Produk sos cili pelbagai variasi yang dihasilkan dijangka dapat menembusi pasaran di seluruh daerah Mersing berikutan terdapat pihak yang bersedia untuk mengedarkannya.

Menurut pengusaha Zayyad Cafe, Mohd Azhar Habibollah kebanyakan pengusaha keropak lekor di Mersing mengimport sos cili dari negeri lain.

“Mersing merupakan pengeluar utama keropak lekor di Johor jadi sudah tiba masanya negeri ini mempunyai produk sosnya sendiri.

“Pihak kami sangat berbesar hati dengan inisiatif yang diambil oleh UTHM dan bersedia untuk menjadi salah seorang pendedar di kawasan ini,” katanya.

Felo Teknousahawan KKDK, Muhaymin Hakim Abdullah pula berkata cetusan idea itu juga berpotensi membantu pelajar dalam kalangan B40 untuk menjana pendapatan mereka melalui penghasilan produk tersebut.

“Projek ini dapat memberikan impak yang positif kepada sumber pendapatan pelajar dan peluang perniagaan secara berterusan walaupun selepas tamat pengajian.



“Sekiranya berjaya, produk ini dapat diperluaskan pasarnya ke daerah dan negeri masing-masing pada masa akan datang,” katanya.

Sementara itu, para peserta turut dijemput oleh Jabatan Perikanan Malaysia Johor untuk menjalankan aktiviti ‘*outreach & beach cleaning*’ di Pusat Taman Laut, Pulau Tinggi, Johor.

Selaras dengan Program Keusahawanan Hijau, para peserta turut serta membantu agensi kerajaan dan komuniti dalam memelihara kitaran ekosistem.

Sebanyak 150 kilogram bahan buangan berjaya dikumpulkan di sekitar Taman Laut untuk dijual ke pusat kitar semula.

Menurut Ketua Pegawai Perikanan, Nur Afifah A Rahman kawasan persekitaran pantai tersebut tercemar dengan bahan buangan plastik dan kaca yang datang dari pantai Mersing.

“Justeru itu, pihak kami amat mengharapkan kerjasama daripada ramai pihak dalam meningkatkan kesedaran generasi muda dan pengusaha tempatan bagi mewujudkan alam sekitar yang lestari,” katanya.

Usahawan muda KKDK yang terlibat turut mengambil peluang memasarkan produk mereka kepada komuniti pulau selain berkongsi pengalaman niaga, ilmu kemahiran membuat sos cili serta latihan gunting rambut.

Aktiviti seumpama itu dapat memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi bersama penduduk dan berkolaborasi bagi membangun inisiatif keusahawanan yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.





Pusat Pembelajaran Maya, UTHM suntik semangat warga sekolah hasilkan bahan digital untuk PdP

Bagi menggalakkan aktiviti penghasilan bahan digital, Pusat Pembelajaran Maya (CVL), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program khidmat masyarakat "KTP-CSR Infografik Awesome dan Pendigitalan" bersama warga SMK Seri Gading pada 6 Jun dan 12 Julai 2023 lalu.

Program CSR yang dikendalikan oleh 23 staf CVL itu diadakan bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan antara institusi pendidikan tinggi dengan sekolah menengah, serta untuk memanfaatkan potensi teknologi dalam pendidikan.

Program itu memberi peluang kepada warga SMK Seri Gading untuk mengakses kemudahan dan kepakaran di Studio Fox Mall, Pusat Pembelajaran Maya dalam penghasilan bahan digital yang berkualiti.

Menurut ketua program, Ts. Dr. Sabariah Musa sebelum program itu dilaksanakan majoriti warga sekolah lebih cenderung menggunakan bahan pembelajaran yang sudah sedia ada daripada mencipta bahan baharu.

"Namun melalui program ini, mereka diberikan latihan dan tunjuk ajar untuk menghasilkan bahan pembelajaran yang kreatif dan berinovasi.

"Inisiatif ini sekali gus meningkatkan lagi minat dan penglibatan pelajar dalam menghadapi proses pembelajaran dan pengajaran (PdP)," katanya.

Hasil khidmat nasihat dan lawatan penanda aras ke Studio Fox Mall sebelum itu, pihak sekolah telah mengambil inisiatif membangunkan sendiri satu studio di sekolah terbabit.

Selain itu, pelaksanaan program itu juga didapati dapat memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar SMK Seri Gading.

Mereka diajar untuk memanfaatkan teknologi dan menggunakan aplikasi pembangunan kandungan digital yang disediakan.

Pelajar diberikan pendedahan tentang penghasilan bahan digital yang berkualiti dan boleh digunakan dalam pelbagai aktiviti seperti rakaman sebagai wartawan lokasi, juru acara jemputan, pertandingan drama, projek kumpulan, dan bahan pembelajaran interaktif.

Dengan kebolehan itu, pelajar dapat menghasilkan karya yang menarik dan kreatif, serta dapat berkongsi hasil kerja mereka dengan masyarakat.

Melalui program itu juga, satu pertandingan digital iaitu 'Pertandingan Infografik dan Video Awesome' telah dianjurkan khas untuk warga sekolah SMK Seri Gading dan komuniti setempat.

Pertandingan tersebut mendapat sambutan yang sangat baik kerana ia memberi peluang kepada peserta untuk menggunakan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam menghasilkan bahan digital yang berkualiti tinggi.

“Dalam pertandingan ini, peserta berpeluang menunjukkan kreativiti dan kecekapan mereka dalam menggunakan teknologi terkini sekali gus memberi pengalaman berharga kepada mereka dalam membangunkan kemahiran teknologi dan keupayaan menghasilkan bahan digital yang baik,” kata Dr. Sabariah.

Tambah beliau, program khidmat masyarakat itu juga memberi manfaat kepada guru dan pentadbir di SMK Seri Gading.

“Pihak kami dapat melihat perkembangan warga SMK Seri Gading dalam menghasilkan bahan digital dan menggunakan teknologi dalam PdP.

“Guru-guru dapat menggunakan bahan pembelajaran yang dihasilkan untuk meningkatkan pengajaran mereka dan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan menyenangkan,” jelas beliau.

Selain itu, program itu juga membuka peluang kolaborasi antara guru SMK Seri Gading dengan pensyarah dan pakar dari CVL UTHM, yang sentiasa mendorong perkongsian pengetahuan dan kepakaran yang ada.

Pihak CVL melahirkan rasa bangga kerana program khidmat masyarakat yang dijalankan itu secara keseluruhannya telah memberikan kesan positif kepada warga SMK Seri Gading.

“Pihak kami berharap penganjuran program seumpama ini akan terus diperluas dan dilaksanakan untuk memberi impak yang positif kepada pelajar dan sekolah-sekolah di seluruh negara,” kata Dr. Sabariah.





Pendayung UTHM Barracuda raih Juara Keseluruhan di tanah besar China

CHINA - Penyertaan julung kali Pasukan Mendayung UTHM dengan kontigen seramai 17 atlet dan 3 Pegawai dalam 2nd ASEAN-China Student Rowing Competition 2023 membuah hasil apabila berjaya meraih gelaran 'Juara Keseluruhan' dengan 48 mata mendahului lapan pasukan lain.

Penyertaan peringkat antarabangsa itu merupakan satu penghormatan apabila UTHM terpilih mewakili salah satu pasukan mendayung universiti di rantau Asia Tenggara yang menerima jemputan daripada pihak Universiti Tianjin, China.

Penyertaan tersebut sekali gus telah memecah dominasi lapan penyertaan universiti daripada China dan ASEAN menerusi keempat-empat acara yang ditawarkan.

Pasukan UTHM memenangi dua emas menerusi acara Men Eight (M8+) dan Women Quadraple (W4x) dan dua perak menerusi Men Quadraple (M4x) dan Mixed Relay Ergometer.

Untuk rekod, jemputan pasukan ke kejohanan ini adalah berdasarkan profil prestasi dan kecemerlangan pasukan dalam arena sukan mendayung di negara masing-masing.





IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

PENGANALISA WEB

WEB SPECIALIST

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PENGURUS PROJEK WEB

PEREKA WEB




KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahuan dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR


RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030